

UMP salur RM100 kepada penuntut terkesan penangguhan

Oleh Asrol Awang - Oktober 6, 2020

bhnews@bh.com.my

YAYASAN UMP
يأياسن او.ام.ف.ج.

INSENTIF BANTUAN KECEMASAN YAYASAN UMP

Khas kepada pelajar UMP yang terkesan akibat penangguhan pendaftaran kemasukan pelajar ke kampus.

Pilih Untuk Berkongsi:
Bersama membantu pelajar dan golongan yang memerlukan.

Universiti Malaysia PAHANG
MyGift

yayasan.ump.edu.my
Facebook Twitter Instagram Yayasan UMP

KUANTAN: Yayasan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyalurkan RM100 kepada penuntut yang terkesan susulan penangguhan pendaftaran kemasukan secara fizikal.

Pengerusi Yayasan UMP, Datuk Seri Md Sharif Shamsuddin, berkata setakat ini, lebih 1,000 penuntut sudah dikenal pasti dan jumlah itu dijangka bertambah.

Katanya, pihaknya juga sedang mengumpul maklumat daripada penuntut yang terkesan akibat penangguhan itu melalui pautan yang dihebahkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

"Yayasan UMP juga membuka permohonan zakat pelajar dan bantuan sara hidup bagi menampung keperluan sepanjang tempoh semester baharu yang akan bermula pertengahan bulan ini.

"Selain itu, sebagai usaha membantu pelajar yang berada di kampus, mereka boleh mendapatkan barangan keperluan diri dan makanan secara percuma di kedua-dua kampus UMP Pekan dan Gambang," katanya dalam kenyataan hari ini.

UMP sebelum ini mengumumkan penangguhan semua pelajar termasuk pelajar baharu di kedua-dua kampus UMP Pekan dan Gambang.

Bagi pelajar baharu, mereka tidak perlu hadir secara fizikal atau bersemuka, malahan mereka perlu membuat pendaftaran secara dalam talian bermula 5 hingga 9 Oktober ini mengikut tatacara pendaftaran yang dimaklumkan melalui laman sesawang UMP.

Md Sharif berkata, selain itu, semua pelajar kanan yang belum kembali ke kampus diminta menangguhkan kepulangan mereka sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

"Pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana UMP di talian 09-5493333 (UMP Gambang) atau 09-4246999 (UMP Pekan) untuk sebarang maklumat," katanya.

The infographic features the logos of Universiti Malaysia PAHANG and YAYASAN UMP at the top. The main title is "Yayasan UMP bantu ringankan beban pelajar yang terkesan akibat penangguhan pelajar masuk UMP." Below this, two bullet points with green checkmarks describe the assistance: one for students who have not yet returned to campus and another for those who have but had to cancel their travel tickets. A call to action box at the bottom provides contact numbers for the Disaster Response Room. The footer includes social media icons for Facebook, Instagram, and Twitter, along with logos for various partners like STAIRS, MyMokeS, and MyRR.

Universiti Malaysia PAHANG
YAYASAN UMP
يأياسن اوام فڤڤ

Yayasan UMP bantu ringankan beban pelajar yang terkesan akibat penangguhan pelajar masuk UMP.

- ✓ Insentif bantuan kecemasan buat mereka yang terkesan akibat daripada penangguhan pendaftaran kemasukan pelajar ke kampus.
- ✓ Khusus untuk mereka yang telah berada di dalam kampus, belum kembali ke kampus namun terpaksa membatalkan tiket pengangkutan atau logistik atau yang terpaksa berpatah balik ketika dalam perjalanan ke kampus.

Sebarang pertanyaan berkaitan boleh menghubungi
Bilik Gerakan Bencana UMP di talian
09-5493333 (UMP Gambang) atau **09-4246999** (UMP Pekan)

UMPMalaysia | Teknologi Untuk Masyarakat

STAIRS | MyMokeS | MyRR